

Konsep Sekolah Berkesan : Satu Pandangan Umum

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF MADYA DR. ABDUL SAID AMBOTANG

UB 20.6.2018 B2

TERDAPAT pelbagai pandangan dan kajian lepas yang telah dijalankan berhubung dengan konsep sekolah berkesan. Namun secara umumnya Sekolah Berkesan adalah sekolah yang amat menitikberatkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik, penguasaan kemahiran asas, keberkesanan pengajaran guru, iklim sekolah yang dapat membangkitkan suasana belajar, mengurangkan masalah disiplin pelajar serta kepimpinan yang mampan.

Konsep Sekolah Berkesan yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan adalah bermatlamat untuk membawa sistem pendidikan ke arah kecemerlangan. Seiring dengan slogan "Pendidikan Bertaraf Dunia", konsep sekolah berkesan menuntut warga pendidik khususnya untuk mencapai tahap kualiti yang tinggi dalam pendidikan. Justeru, konsep Sekolah Berkesan harus dijadikan realiti jika hasrat ingin kualiti pendidikan negara sama taraf dengan pendidikan negara maju.

Perlu disedari umum, bahawa anjakan dalam dunia pendidikan telah melibatkan guru dengan pelbagai kursus, seminar, kolokium dan pembentukan kertas kerja serta aktiviti yang meningkatkan minat dan bakat pelajar ke arah menjayakan pelaksanaan Sekolah Berkesan. Malah, keterlibatan dan kerjasama ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak tidak pernah dilupakan. Usaha ini selaras dengan visi negara dan cabaran global dalam era teknologi maklumat,

kualiti dan keberkesanan pendidikan harus dicapai untuk menentukan generasi yang dijana akan dapat bersaing dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar.

Dari perspektif ekonomi, jika 'outcome' atau hasil yang diinginkan dapat dicapai dengan kos yang rendah maka sekolah itu dianggap sebagai sekolah berkesan sementara dari perspektif pendekatan hubungan kemanusiaan dalam organisasi pula, menjelaskan organisasi sekolah yang berkesan dilihat dari segi kejayaan mewujudkan perasaan kepuasan dalam kalangan kakitangan dalam proses perjalanan organisasi. Setengah pakar pengurusan pendidikan pula berpendapat keberkesanan sekolah perlu dilihat daripada pelbagai perspektif dan nilai yang berbeza-beza. Mereka memberi penjelasan bahawa ini perlu dilakukan kerana pelbagai pihak mempunyai persepsi dan pendapat yang berbeza terhadap keberkesanan sekolah. Namun Konsep Sekolah Berkesan hendaklah menekankan semua elemen-elemen penting dalam sekolah bagi memastikan kesemua aspek ini tidak mengalami kepincangan. Kelemahan pada mana-mana aspek akan menyebabkan pelaksanaan Sekolah Berkesan tidak dapat dijalankan.

Dari aspek kepimpinan sekolah, kebanyakan penyelidik pendidikan secara tegas menyatakan, kepemimpinan pengetua atau guru besar merupakan asas utama terhadap mewujudkan sekolah yang berkesan dan cemerlang dengan dibantu oleh faktor kepimpinan yang berkesan. Penyertaan secara langsung daripada seluruh ahli organisasi di dalam sekolah

yang mempunyai jangkauan tinggi terhadap kejayaan dan kecemerlangan sekolah dari segi akademik dan prestasi murid serta memastikan pencapaian akademik sentiasa berada di tahap yang tinggi. Mereka juga menekankan pentingnya pengetua atau guru besar bersikap proaktif dan mahu mengubah persekitaran sekolah serta berkeupayaan untuk merealisasikan visi dan misi sekolah. Perubahan yang dinamik dan bermatlamat dengan dibantu oleh guru, murid, staf, ibubapa akan menghasilkan sekolah yang berjaya dan berkesan.

Bagi peranan guru pula, guru semestinya membekalkan ilmu pengajaran yang terbaik dan efektif sepanjang masa serta dapat mewujudkan suasana iklim pembelajaran yang positif dan kondusif terhadap perkembangan intelektual murid. Dalam pada itu, guru juga perlu ada kemahiran dalam pengurusan bilik darjah, iaitu membentuk dan mengekalkan suasana kelas yang sesuai untuk sesi pembelajaran berdasarkan penguasaan strategi untuk membentuk peraturan dan arahan, mengetuai aktiviti kelas dan mengawal kelakuan. Di samping itu, pertuturan merupakan satu kemahiran komunikasi yang penting bagi guru yang melibatkan perlakuan mendengar dan bercakap kerana guru bukan hanya tertumpu sebagai tenaga pengajar dalam bidang akademik semata-mata, sebaliknya guru turut berperanan sebagai pemberi dan penyampai maklumat ilmu pengetahuan yang turut dipengaruhi oleh intonasi suara guru yang menarik dalam menggunakan perkataan, frasa dan ayat bagi menepati

maksud pelajaran yang hendak disampaikan. Selain itu guru juga seharusnya sentiasa membimbing rakan sejawat dalam membina pasukan kerja yang mantap. Program yang dirancang mestilah dilaksanakan secara kolektif, bersungguh-sungguh dan bersepadu. Penyeliaan yang berterusan terhadap semua kegiatan di sekolah akan memastikan semua ahli organisasi bergerak di atas landasan yang betul dan tepat.

Manakala, dalam aspek kemudahan sekolah berkesan pula, segelintir penyelidik pendidikan menyatakan bahawa kemudahan sekolah yang amat perlu diperhatikan secara keseluruhan dan ini adalah merujuk kepada keadaan atau suasana sekolah yang tenang, sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran dianggap sebagai mempunyai iklim sekolah yang berkesan. Iklim sekolah yang berkesan mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajar dan dapat mengurangkan perbezaan status sosio-ekonomi, wujud juga kerjasama antara sekolah dan keluarga pelajar. Selain itu juga sifat dan suasana yang ada di sekolah adalah juga hasil cerminan interaksi antara guru dan pelajar serta masyarakat yang terdapat di sekolah itu secara keseluruhannya.

Sekolah Berkesan juga sentiasa melakukan pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi pelajar secara teratur. Guru dapat menentukan sejauh mana tujuan sekolah telah dapat dicapai. Sekolah perlu memberi tumpuan kepada pelajar, ibu bapa dan tujuan persekolahan. Sekolah juga hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam

aspek penilaian dan kaedah mengajar yang terkini. Di samping itu, sekolah perlu menegaskan kepada pelajar dan guru supaya mengambil berat tentang kemajuan pelajaran. Pelajar sepatutnya mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai kegiatan di sekolah. Sehubungan itu, sekolah harus merancang dan meletakkan tanggungjawab yang sesuai kepada mereka.

Namun begitu, terdapat juga faktor lain yang mempengaruhi keberkesanan sekolah. Antaranya ialah persekitaran sekolah dan faktor masyarakat. Kedua-dua faktor ini mempunyai impak positif atau negatif terhadap kecemerlangan sekolah. Ini termasuklah status sosio-ekonomi pelajar serta penglibatan ibu bapa dan sumber-sumber yang boleh diperolehi. Berdasarkan kajian lalu, jelas menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai pengaruh yang besar terhadap prestasi sesebuah sekolah. Sebahagian besar penyelidik pendidikan berpendapat bahawa faktor latar belakang keluarga pelajar dan status sosial ekonomi pelajar banyak memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah.

Ibu bapa juga merupakan pengaruh sosial yang besar terhadap pencapaian anak-anak mereka. Aspirasi dan harapan ibu bapa terhadap masa depan anak-anak memainkan peranan penting untuk mendorong anak-anak mereka lebih bergiat aktif untuk mencapai prestasi yang tinggi di sekolah. Di sini, peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) merupakan salah satu ejen sekolah yang melibatkan perhubungan masyarakat dengan sekolah. Tidak dapat dinafikan

bahawa PIBG memainkan peranan yang besar terhadap peningkatan pencapaian persekolahan pelajar. Ahli PIBG yang aktif boleh menyumbangkan tenaga dan sumber kewangan mereka dari masa ke semasa demi keberkesanan sekolah.

Dari aspek yang lain, faktor kurikulum sekolah juga berperanan penting untuk mewujudkan keberkesanan sekolah. Aktiviti kurikulum hendaklah dijalankan secara terancang untuk meningkatkan peningkatan prestasi pelajar. Sekolah haruslah melakukan perubahan dalam bahan pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai kaedah pengajaran yang berkualiti haruslah dilakukan dalam bilik darjah. Kualiti pengajaran hendaklah diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan yang cekap dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan memudahkan pelajar menerima pengajaran dengan lebih berkesan. Kemudahan fizikal sekolah juga sedikit sebanyak boleh mempengaruhi keberkesanan sekolah. Sekolah yang cemerlang sudah pasti mempunyai kemudahan komputer untuk pembelajaran, penggunaan alat bantuan mengajar yang baik dan kerusi meja yang selesa. Perkara yang lebih penting ialah bilangan guru dan opsyen mata pelajaran yang diajar adalah mencukupi.

Meninjau kepada konsep-konsep, ciri-ciri sekolah, faktor-faktor keberkesanan Sekolah Berkesan, dapatlah disimpulkan bahawa demi untuk merealisasikan konsep Sekolah Berkesan, pihak sekolah harus jelas mengenai falsafah, kriteria dan konsep

Sekolah Berkesan.

Pengetua atau Guru Besar sebagai pemimpin juga harus mengetahui dan melaksanakan perancangan strategik yang perlu diambilkira. Kejayaan Sekolah Berkesan bermula dari bilik darjah yang diurus dengan berkesan oleh guru berkesan dengan menggunakan alatan bantuan mengajar yang berkesan dan mencukupi dan hubungan pelajar dan guru yang cukup mantap.

Selain itu penilaian Sekolah Berkesan dinilai bukan sahaja melalui pencapaian dalam bidang akademik bahkan aspek sahsiah seperti tingkah laku, sikap dan disiplin pelajar yang baik, kepuasan kerja guru, keadaan sekolah yang kondusif sama ada dari aspek kebersihan dan keceriaan. Maka bagi menjayakan hasrat ini, semua pihak yang terlibat dalam pengurusan Sekolah Berkesan harus sentiasa saling bekerjasama demi untuk menjayakan pelaksanaan Sekolah Berkesan dan bersama-sama menangani masalah yang dihadapi dari semasa ke semasa. Para pentadbir sekolah dan para guru harus sentiasa update dengan perkembangan dan masalah sosial pelajar agar mereka dapat mengetahui cara mengatasi masalah ini. Harapan Kementerian Pendidikan agar cita-cita Malaysia untuk menjadi hub pendidikan antarabangsa pada masa akan datang dapat direalisasikan bermula dari peringkat sekolah sehingga insitituti pendidikan bertaraf antarabangsa.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Boleh dihubungi melalui solat5@yahoo.com